

09 DISEMBER 2020 (RABU)

Pengusaha pelancongan kembali 'berbunga'

JERANTUT: Perasaan kira-kira 370 pengusaha pelancongan di Taman Negara Kuala Tahan, di sini kembali 'berbunga' setelah kerajaan memberi kebenaran rentas daerah dan negeri bermula kelmarin.


Ia sekali gus menjadi harapan tinggi buat mereka supaya lokasi pelancongan berkenaan kembali menjadi tumpuan ramai setelah terkesan teruk akibat penutupan sempadan negeri ekoran pandemik Covid-19.

Pengusaha restoran terapung, Yaakob Hamzah, 66, berkata, situasi air Sungai Pahang yang stabil dan kebenaran

rentas daerah dan negeri boleh mendorong aktiviti menikmati keindahan alam semula jadi di situ kembali rancak.

"Pemain industri pelancongan berharap Tourism Pahang menggiatkan promosi bagi mengembalikan keyakinan pelancong supaya memilih destinasi rekreasi dan riadah kawasan hutan tropika ini.

"Aktiviti pelancongan di sini hampir lumpuh kesan Covid-19 berikutan kehadiran pelancong sangat berkurangan manakala banyak premis perniagaan ditutup," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.



SUASANA suram di sebuah restoran terapung di Taman Negara Kuala Tahan, Pahang diharap kembali meriah setelah rentas daerah dan negeri dibenarkan.